

Ronald Kiandee Serah BR1M Kepada 1,131 Penerima Di Beluran
Bernama
6 Mac, 2014

BELURAN, 6 Mac (Bernama) -- Anggota Parlimen Beluran Datuk Seri Ronald Kiandee menyerahkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) secara tunai kepada 1,131 penerima dari daerah ini dalam satu majlis di sini.

Mereka merupakan antara 2,325 penerima BR1M untuk daerah ini bagi fasa pertama yang membabitkan 1,431 berstatus bujang, 621 warga emas dan 273 ketua isi keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah.

Seorang penerima, Habiren Bin Hassan, 57, berkata pemberian kerajaan itu amat bermakna kerana dapat meringankan beban beliau selaku ketua keluarga dalam menampung keperluan harian selama sebulan.

Habiren, yang juga Ketua Kampung Seri Menanti, berkata langkah kerajaan menaikkan bantuan kepada RM650 membuktikan keprihatian kepada rakyat, khususnya bagi berdepan kenaikan harga barang keperluan.

Ronald, ketika ditemui pemberita selepas majlis itu, berkata pemberian BR1M memberi manfaat kepada penerima di daerah itu, yang kebanyakannya adalah penduduk kawasan luar bandar dan pulau.

Katanya, BR1M juga membuktikan kerajaan tidak bercakap kosong malah sentiasa mencari peluang dan ruang bagi membantu rakyat yang kurang berkemampuan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019839>